



Siri Suara PAS di Parlimen - 1

**KAEDAH ISLAM
DAN IMPLIKASI
PERANG TELUK**

HAJI ABDUL HADI AWANG

N'ENHAI PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
170 AUG 1992

M
324.2595P.
ABD

700630
APB

18 NOV. 1993
Perpustakaan Negara
Malaysia

©Hakcipta Penerbit Terpelihara 1991

Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa jua bentuk tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada pihak penerbit.

Cetakan Pertama: April 1991

diterbitkan oleh:

JABATAN PENERANGAN, PENYELIDIKAN DAN DAKWAH PAS PUSAT

28A, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang,

53000 Kuala Lumpur.

April 1991.

Uruscetak oleh:

Syarikat Perniagaan Al-Hafiz

47 Jalan Raja Muda Abdul Aziz,

53000 Kuala Lumpur. Tel: 2921114

PRAKATA PENERBIT

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah
Lagi Maha Penyayang

SIRI Suara PAS di Parlimen adalah suatu siri baru dari penerbitan Jabatan Penerangan, Penyelidikan dan Dakwah PAS Pusat. Antara tujuan pihak kami mengusahakan penerbitan siri ini ialah bagi membekalkan maklumat dan juga hujah berguna kepada masyarakat, sebagaimana yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Parlimen PAS dalam membahaskan isu-isu dan perkara-perkara tertentu di Dewan Rakyat Malaysia.

Tidak semua orang berkesempatan untuk mengikuti Sidang Dewan Rakyat. Malah, di antara mereka yang sering berkunjung ke Parlimen itu pun, tidak sedikit juga yang sering terlepas daripada mengikuti keseluruhan Sidang.

Atas sebab itu, antara lainnya, kami mengusahakan penerbitan Siri Suara PAS di Parlimen ini. Paling tidak, ia boleh dijadikan suatu 'hadiah' yang dapat dibaca oleh para penyokong dan pengundi masing-masing Wakil Rakyat di kawasan Parlimen masing-masing.

Sebagai memulakan siri baru ini, pihak kami telah memilih ucapan-ucapan dan soal-jawab oleh Tuan Guru Haji Abdul

Hadi Awang, Ahli Parlimen Marang, Terengganu, dalam sidang-sidang sepanjang sesi pertama yang berakhir bulan Februari 1991 lalu.

Atas beberapa kiraan, pihak kami mengambil keputusan menerbit tujuh buah buku dalam siri ini, satu bagi setiap anggota Parlimen PAS. Harapan kami agar para pembaca tidak akan ketinggalan dalam mendapatkan ketujuh-tujuh buku dalam Siri Suara PAS di Parlimen, yang memetik ucapan-ucapan dan soal-jawab ketujuh-tujuh Ahli Parlimen PAS dalam sesi lalu.

Kepada Allah jua kami mohon panduan dan pertolongan dalam menjayakan usaha kami menerbitkan risalah-risalah berikutnya di masa-masa mendatang.

Wallahu Waalam Bissawab. Wa Ilaihil Marja'u Wal Maab.

MOHD. NASIR BIN AWANG

Bahagian Penerbitan Buku,

**Jabatan Penerangan, Penyelidikan & Dakwah PAS Pusat,
Kuala Lumpur.**

11 April 1991.

Beberapa Dasar dan Prinsip Islam

(Dewan Rakyat, 10.1.1991)

SAYA suka menyebut berhubung dengan adanya kakitangan Parlimen yang memberi khidmat yang lama dan cemerlang. Oleh kerana itu adalah munasabah dan patut mereka ini diberi penghormatan dan ganjaran yang sewajarnya sebagai satu cara untuk menghormati mereka itu dan menggalakkan orang lain supaya turut memberi khidmat. Dengan itu perjalanan Parlimen kita bertambah baik dari satu masa ke satu masa yang lain.

Kedua, berhubung dengan soalan lisan yang tidak berjawab di dalam Dewan ini yang diberitahu secara bertulis kepada Ahli yang bertanya sahaja, adalah patut diberi kepada semua Ahli Dewan supaya ia dapat menjadi kajian semua pihak.

Ketiga, saya ingin menyebut perkara yang saya rasa perlu diberi perhatian iaitu berhubung dengan patung Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang ada di halaman

bangunan Parlimen. Ia dibina bagi menghormati Al-Marhum Tunku, yang mudah-mudahan Allah Ta'ala memberi rahmat kepada roh beliau.

Sebagai lebih menghormati roh beliau, patung yang ada di hadapan halaman itu hendaklah dihapuskan kerana ia bercanggah dengan penghormatan secara Islam. Islam mengajar kita menghormati orang-orang yang meninggal dunia dengan cara yang bermanfaat dan berfaedah iaitulah dengan kita berdoa untuk roh beliau, kita menyebut jasa-jasa baik yang dibuat oleh beliau, dan kita beristighfar supaya Allah Ta'ala mengampunkan kesilapan yang dilakukan oleh tiap-tiap manusia. Ini berdasarkan kepada apa yang diajarkan kepada kita oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

Apabila meninggal seorang manusia, maka terputuslah amalannya melainkan tiga perkara. Yang pertama, ilmu yang diambil manfaatnya, (ilmu yang diambil faedah oleh orang lain, ucapan-ucapan yang memberi faedah kepada orang lain, itu boleh di bukukan dan boleh diambil manfaat, begitu juga tulisan-tulisannya). Kedua, sedekah yang berbentuk sumbangan (sama ada harta-benda ataupun pemikiran ataupun tenaga) yang faedahnya berpanjangan (walaupun seseorang itu telah meninggal dunia). Yang ketiga ialah doa anak yang baik, yang soleh, (begitu juga kawan-kawan yang soleh yang bersimpati dan berdoa).

Ini adalah cara yang diajar oleh Islam. Oleh kerana itu, saya merasakan perkara ini perlu diberi perhatian dan saya kira

setelah beliau meninggal dunia adalah lebih baik kita membuat perhitungan dari segi hubungannya dengan Allah SWT daripada kita membuat perhitungan dari segi pandangan-pandangan dan sungutan-sungutan yang ditimbulkan oleh manusia yang masih hidup ini.

Seterusnya, saya ingin berpindah kepada Jabatan Perdana Menteri, berhubung dengan Bahagian Hal Ehwal Islam iaitu perkara yang berkaitan dengan Jawatankuasa Fatwa. Saya merasakan bahawa Jawatankuasa Fatwa ini tidak diberi peranan yang sewajar dan sepatutnya. Kadang-kadang terdapat beberapa fatwa yang diminta setelah berlakunya perkara itu tanpa dirujuk terlebih dahulu kepada Majlis Fatwa sebelum daripada ia dilakukan. Di antaranya, sebagai contoh, ialah fatwa yang berhubung dengan Peristiwa Memali di mana setelah tindakan berlaku barulah ditanya Majlis Fatwa. Majlis Fatwa pula membuat fatwa dengan cara yang saya kira begitu gopoh. Saya merujuk kepada kenyataan Perdana Menteri ketika menghadapi pertandingan kepimpinan partinya dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1987, di mana beliau telah menegur berhubung dengan tindakan ke atas penduduk Memali itu. Oleh kerana itu kita mengharapkan supaya Majlis Fatwa ini hendaklah diberi peranan dan cara yang sewajarnya.

Kemudian di sana terdapat perkara-perkara yang rakyat tertanya-tanya apabila berlakunya tindakan tanpa bertanya dahulu ataupun adanya pandangan daripada Majlis Fatwa. Contohnya ialah perkara yang berhubung dengan ASN dan mungkin ada perkara-perkara yang lain.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang perkara Aktiviti

Dakwah di mana berhubung dengan aktiviti dakwah itu perlu diberi penekanan kepada dua perkara yang penting; pertama, pendakwah dan yang kedua ialah tajuk dakwah.

Berhubung dengan pendakwah ini kita dapati bahawa pihak yang berkenaan tidak begitu berhati-hati di dalam menilai pendakwah sehingga ada di kalangan pendakwah, sama ada yang mendapat keizinan daripada Kerajaan ataupun tidak, mengeluarkan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang tidak sejajar dengan sumber-sumber asal yang ada dalam Islam. Umpamanya mengambil pandangan-pandangan yang lemah yang dikemukakan oleh ulama-ulama yang tidak muktabar yang ditolak oleh ulama-ulama yang muktabar di zaman silam.

Kemudian perkara yang berhubung dengan tajuk dakwah. Bukan sahaja perlu diberi penekanan kepada perkara-perkara yang telah lalu, ajaran-ajaran lama seperti Muktabar, Jahariah dan seumpamanya, perlu juga diberi perhatian kepada ideologi-ideologi dan teori-teori moden yang banyak bercanggah dengan ajaran Islam.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa Islam ini mempunyai perkara yang rapat dengan semua masalah, aktiviti dan segala aspek yang ada dalam kehidupan manusia. Dengan sebab itu semua teori yang dikemukakan itu ada kaitannya dengan ajaran Islam, ada yang tepat dan ada yang tidak tepat. Oleh kerana itu penekanan di dalam tajuk dakwah yang dilakukan oleh bahagian ini sepatutnya juga hendaklah memberi penekanan kepada perkara-perkara semasa, ajaran-ajaran baru dan masalah-masalah baru yang timbul dalam masyarakat Islam.

Seterusnya berhubung dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Di antara aktiviti-aktivitinya yang disebutkan ialah perkara *amar makruf*, menyuruh kepada perkara yang baik. Dalam Islam, tidak cukup sekadar menyuruh kepada perkara yang baik tetapi mestilah juga disertakan dengan *nahi munkar*, yakni mencegah kemungkaran. Kita tidak boleh menyebut perkara-perkara yang baik sahaja. Memang menjadi kewajipan kita menyebut perkara yang baik dan menyuruh supaya orang melakukan perkara-perkara yang baik. Tetapi perkara-perkara yang mungkar juga hendaklah di sebut dan ini merupakan perkara yang di beri penekanan oleh Al-Quran dan oleh ajaran Rasulullah SAW yang sepatutnya menjadi dasar dan prinsip kepada Bahagian ini.

Seringkali berlaku, apabila kita tidak memberi penekanan kepada perkara-perkara ini ataupun dengan lain perkataan, kadang-kadang apabila adanya di kalangan pendakwah ataupun mereka yang memberi khutbah Jumaat yang menegur perkara-perkara yang berlaku di dalam masyarakat, yang melibatkan kepimpinan di berbagai peringkat, maka mereka itu di pandang serong. Ini memberi kesan negatif kepada usaha-usaha dakwah dan aktiviti *amar makruf* dan *nahi munkar* yang sepatutnya dilakukan oleh Bahagian ini.

Implikasi Perang Teluk dan Peranan Malaysia

(Dewan Rakyat 18.1.1991)

PERTAMA sekali saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah menerima usul yang saya kemukakan untuk dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Begitu juga saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menerima usul yang saya kemukakan itu, kerana kesan daripada peperangan dan mangsanya tidak mengenal siapa, sama ada yang kuat atau yang lemah, yang bersetuju atau yang tidak bersetuju.

Marilah sama-sama kita membincangkan perkara yang sangat penting ini kerana peperangan sudahpun berlaku. Jika dibiarkan ia akan mengakibatkan bencana yang buruk kepada umat manusia di mana juga, khususnya mereka yang tidak berdosa yang berada di rantau itu sekarang.

Peperangan pada umumnya adalah sesuatu yang dibenci oleh

manusia dan kita mesti berusaha untuk menghindarinya. Bila ia tercetus juga, maka kita hendaklah segera bertindak dan berusaha menghentikannya.

Kita dukacita bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah gagal untuk memainkan peranannya. Ia lebih mendengar kemahuan Amerika Syarikat dan tidak langsung menghiraukan pandangan-pandangan lain yang meminta supaya Amerika juga mesti menunjukkan kesediaan untuk bertolak-ansur. Terutamanya supaya Amerika menerima cadangan yang dikemukakan oleh Iraq agar dibincangkan juga masalah Palestin yang dikaitkan dengan masalah itu.

Bangsa-bangsa Bersatu membiarkan dirinya untuk pertama kalinya diperalatkan untuk kepentingan Amerika bagi melakukan apa sahaja dengan tujuan menentang Iraq. PBB tidak pernah menasihatkan Amerika supaya memikirkan padah peperangan ke atas umat manusia. Ia hanya menghadkan arahan kepada Iraq sahaja.

Amerika Syarikat telah berjaya menjadikan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai pihak yang berperang dengan Iraq. PBB sepatutnya bebas dalam mengusahakan perdamaian, tetapi kali ini ia seolah-olah mejadi satu pihak yang menggalakkan ketegangan sehingga mencetuskan peperangan di rantau itu. Oleh itu gencatan senjata sangat perlu dan PBB mestilah membebaskan dirinya dari belunggu Amerika. Negara kuasa besar itu sengaja mencari jalan untuk berperang dengan Iraq bagi memusnahkan senjata Iraq dan melumpuhkannya dari menjadi kuasa tentera yang boleh mengancam Israel. Amerika mahu rantau itu terus bergolak dan ia akan menguasai minyak

dunia yang banyak terkumpul di bumi dan laut rantau Teluk Parsi.

Jika peperangan ini tidak dihalang ia pasti menggugat kesentosaan dua kota suci Mekah dan Madinah, memusnahkan tamaddun umat manusia serantau dan mengancam keamanan dunia seluruhnya. Malaysia dan rakyatnya sudah tentu tidak terlepas dari menerima padahnya.

Bagi menghindarkan kecelakaan itu maka semua pihak yang terlibat diseru menyelesaikan secara damai dan dikuatkuasakan gencatan senjata, dengan menyetujui saranan damai lima perkara seperti berikut:

Pertama: Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah berusaha ke arah gencatan senjata dan segala resolusi Majlis Keselamatan berhubung dengan sekatan ekonomi dan tindakan ketenteraan ke atas Iraq hendaklah ditarik balik;

Kedua: Semua pihak yang berikut hendaklah berundur dari kawasan sensitif yang menjadi pertikaian:

- (a) Tentera pelbagai negara pimpinan Amerika Syarikat berundur dari rantau Teluk;
- (b) Tentera Iraq berundur dari Kuwait;

Ketiga: Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah mengawasi pengunduran itu dengan menubuhkan pasukan pengawas;

Keempat: Kuwait akan ditadbirkan oleh sebuah pen-

tadbir bebas yang dibentuk oleh Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) sehingga satu keputusan tentang masa depannya dibuat secara bebas oleh rakyatnya

Kelima: Sidang antarabangsa mengenai Asia Barat yang meliputi isu Palestin hendaklah diadakan segera bagi menyelesaikan masalah Palestin yang sudah berlarutan itu.

Rumusan lima perkara yang saya kemukakan itu perlu dikemukakan bagi menggesa pihak-pihak yang terlibat bertindak melalui apa juga saluran yang terbuka kepada Malaysia, sama ada melalui Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC), Pertubuhan Negara-negara Berkecuali, atau Bangsa-bangsa Bersatu.

Perkara ini adalah tertentu dan melibatkan kepentingan orang ramai. Ia perlu disegerakan, kerana peperangan yang sudah tercetus itu tentunya akan menggugat kota suci Mekah dan Madinah. Umat Islam akan terhalang daripada mengunjungi Mekah dan Madinah untuk berumrah sepanjang masa dan menunaikan haji, termasuk umat Islam dari Malaysia.

Jika kota suci itu tersentuh nanti, seluruh umat Islam akan tersentuh sama. Umat Islam terhina dan dayus jika tidak bertindak. Sudah cukuplah dengan peristiwa pencabulan kesucian Masjidil Aqsa yang sekian lama menekan jiwa umat Islam. Kalau dibiarkan, Masjidil Haram dan Masjid Nabawi pula dalam bahaya.

Krisis ini sudahpun memberi kesempatan kepada tentera-

tentera kuffar Nasrani dan Yahudi berada di Semenanjung Arab sedangkan Islam memberitahu bahawa tidak harus berkumpul dua aqidah di Semenanjung Tanah Arab dan rantau itu hendaklah diberi perlindungan yang sewajarnya, berdasarkan kepada apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

Tidak harus berkumpul dua agama di Semenanjung Arab..

Dan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Aku akan keluarkan Yahudi dan Nasrani dari Semenanjung Arab sehingga aku tidak tinggalkan di dalamnya melainkan orang Islam.

Ini bukan kerana *taasub*, tetapi kerana hendak memelihara kawasan yang mulia itu (Haramain). Kalau kawasan kedutaan negara-negara dalam dunia ini diberi perlindungan dari segi undang-undang antarabangsa, maka kawasan itu adalah merupakan Kedutaan Allah SWT yang mesti diberi perlindungan dan tidak boleh diizinkan campurtangan dari kalangan tentera asing. Biarlah negeri-negeri setempat atau negara-negara yang berkenaan, dan negara-negara sahabat yang boleh dipercayai menyelesaikan masalah yang berlaku.

Pembunuhan beramai-ramai akan berlaku ke atas saudara-saudara kita. Mereka yang dipaksa dan dikerah terlibat dengan peperangan yang menghancurkan itu juga akan menjadi korban. Di samping orang-orang yang dhaif seperti kaum wanita, orang-orang tua, orang-orang yang sakit dan kanak-kanak yang tidak berdosa turut menjadi sasaran.

Peperangan ini tentunya tidak terhad dengan menggunakan

senjata biasa tetapi menggunakan senjata yang diharamkan oleh Islam dan undang-undang antarabangsa iaitu senjata kimia, kuman dan nuklear. Ia bukan sahaja membunuh ramai manusia dan makhluk bernyawa, tetapi membinasakan alam sekitar, membahayakan cuaca kehidupan dan tumbuh-tumbuhan.

Apabila peperangan berlaku sudah tentu menjejaskan keamanan dan ekonomi dunia seluruhnya termasuk Malaysia. Pelajar-pelajar kita yang berada di Asia Barat terpaksa di bawa pulang dan menjejaskan pelajaran mereka.

Memandangkan betapa merbahayanya peperangan ini, maka Kerajaan Malaysia tidak boleh berdiam diri sekadar menunggu dan melihat. Kita hendaklah membincangkan secara serius dan matang untuk menjadi bahan yang berguna kepada Kerajaan dalam usahanya menghentikan peperangan yang sudahpun meletus itu melalui saluran-saluran yang ada.

Kesilapan Kerajaan menyokong ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, yang sepatutnya hendaklah melakukan usaha-usaha perdamaian, sebenarnya masih boleh diatasi iaitu dengan kita membuka pintu perdamaian supaya perbincangan ke arah perdamaian itu diteruskan.

Amerika tidak boleh diberi kepercayaan untuk mengemukakan perkara-perkara yang mewujudkan perdamaian. Negara besar itu masih dipengaruhi oleh kepentingan-kepentingannya terutama oleh pihak Zionis; Amerika banyak membela tindakan negara Israel termasuk tindakan ganas orang-orang Yahudi ke atas penduduk Palestin.

Malaysia sepatutnya memainkan peranan yang membetulkan peranan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai suatu badan antara-bangsa yang mendahulukan perdamaian. Peperangan adalah penyelesaian terakhir. Masih ada lagi penyelesaian lain yang perlu dikemukakan satu demi satu ke arah perdamaian. Tiba-tiba Amerika mempengaruhi Bangsa-bangsa Bersatu untuk menundukkan negara lain mengikut kemahuannya.

Adalah tidak wajar kita terlalu gopoh menyokong keputusan yang dipengaruhi oleh Amerika dan sekutu-sekutunya yang lebih memberi penekanan kepada kepentingan mereka sahaja. Keadaan masih boleh diperbetulkan. Sekurang-kurangnya kita mengemukakan pandangan kita sendiri yang lebih menolong untuk perdamaian, bukannya untuk peperangan. Negara-negara di rantau itu sepatutnya diberi peranan yang lebih ke arah mewujudkan perdamaian.

Saya pernah menyertai rombongan dari gerakan Islam yang mengunjungi negara-negara di rantau itu dan menemui pemimpin-pemimpin mereka, termasuk Presiden Saddam Hussein. Keadaan lebih tenang sekiranya penyelesaian dilakukan sesama sendiri melalui semangat kejiwaan. Punca yang menimbulkan masalah di antara Iraq dan Kuwait sepatutnya diselesaikan di kalangan negara yang sebenarnya bersahabat, bukannya melalui kuasa besar dunia yang lebih menumpukan politik untuk kepentingan mereka semata-mata.

Menghayati Konsep 'Masyarakat Penyayang'

(*Dewan Rakyat, 22.1.1991*)

SAYA ingin menyentuh berhubung dengan Skim Wang Pinjaman Perumahan. Suka saya menegaskan betapa perlunya diadakan pinjaman perumahan untuk kakitangan Kerajaan. Kerana, seperti yang kita maklum, mereka tidak ada peluang untuk mencari wang selain daripada gaji dan beberapa perkara yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada mereka. Mereka tidak ada peluang untuk berniaga dan tidak ada peluang yang banyak untuk mendapat wang daripada sumber-sumber yang lain. Terutama bagi mereka yang bekerja dengan ikhlas dan tidak menerima rasuah atau sebarang sogokan dengan cara yang haram dan tidak betul. Oleh kerana itu mereka hendaklah diberi bantuan dan pertolongan yang sewajar dan sesungguhnya bagi mengatasi masalah perumahan ini.

Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan sendiri, melalui suatu Lembaga, mempergunakan peruntukan pinjaman itu sebagai modal membina rumah untuk mereka. Dengan ini,

perbelanjaan dapat dijamin daripada diswastakan kepada pihak lain sama ada individu ataupun syarikat pembinaan. Apabila Kerajaan sendiri yang mengendalikannya, ia boleh memberi keistimewaan untuk mendirikan rumah-rumah dengan belanja yang lebih murah dan setelah siap boleh diberi kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan itu dengan pinjaman-pinjaman yang munasabah, yang tidak ada riba dan lebih berbentuk memberi perkhidmatan kepada mereka daripada mencari keuntungan.

Yang kedua, saya ingin menyentuh mengenai Bank Islam Malaysia Berhad. Bank Islam menjadi tumpuan kepada mereka yang mahu melarikan diri daripada bank-bank riba dan kita mendapat suatu sambutan yang menggalakkan dari masyarakat terhadap Bank Islam ini.

Apa yang perlu diberi perhatian ialah di sana masih terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu dibuat pembetulan. Kita tidak boleh menafikan bahawa perkara yang baru ditubuh ia tidak terus sempurna. Ia mestilah mengalami kelemahan-kelemahannya dan kelemahan itu perlu diatasi. Kesilapan perlu diperbetulkan kerana masih ada lagi beberapa unsur yang boleh disifatkan sebagai penindasan, walaupun tidak dinamakan riba iaitu dalam perkara pinjaman yang diberi.

Dalam hal ini Bank Negara juga perlu mengadakan langkah menuju perubahan kepada sistem Islam untuk memberi galakan perubahan kepada bank-bank lain. Kerana sepatutnya Bank Negara menjadi contoh kepada bank-bank lain dan usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam bidang bank ini adalah lebih berkesan sekiranya dilakukan oleh pihak Kera-

jaan melalui perubahan kepada Bank Negara itu sendiri.

Suka saya menarik perhatian kepada apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Apabila Kerajaan Kelantan memindahkan *depositnya* daripada bank riba kepada Bank Islam, beberapa bank telah datang menemui pihak yang berkenaan di Kelantan dan menyatakan hasrat dan kesediaan mereka untuk membuat perubahan.

Oleh itu pihak Kerajaan hendaklah memberi jalan dan galakan kepada perubahan-perubahan itu dan hendaklah menunjukkan contoh-contoh yang menggalakkan kepada bank lain. Dengan sebab itu saya mencadangkan supaya perubahan yang awal hendaklah dilakukan kepada Bank Negara.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Sports Toto Bhd. Kita melihat Kerajaan masih lagi ada pergantungan kepada sumber-sumber perjudian yang diharamkan oleh Islam dan agama lain. Walaupun ia dianggap kecil oleh sesetengah kalangan, tetapi ia memberi kesan yang besar kepada negara dan masyarakat. Perjudian ini tidak membawa kepada keberkatan. Keberkatan adalah suatu istilah yang tidak ada dalam istilah ekonomi Barat dan ia adalah istilah yang ditonjolkan oleh ekonomi Islam yang perlu kita ketengahkan dengan menghindarkan diri daripada sumber-sumber yang haram dan kegiatan-kegiatan haram dalam bidang kewangan.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa perjudian dalam segala bentuknya menghapuskan rasa kasih sayang di kalangan masyarakat terutamanya di dalam rumahtangga. Perjudian adalah bercanggah dengan slogan 'masyarakat pe-

nyayang' seperti yang kita laungkan dalam Belanjawan yang dikemukakan pada tahun ini.

Seterusnya, mengenai Program Penyemakan Cukai dan Analisa Cukai. Walaupun kita lihat di dalam Belanjawan yang dikemukakan adanya penurunan cukai pendapatan kepada sesetengah kalangan, apa yang kita dapati penurunan ini lebih memberi kesenangan kepada golongan yang berada. Di samping itu Kerajaan masih tidak boleh mengawal harga barang-barang keperluan rakyat umum yang tidak berada, seperti minyak dan lain-lain. Ini juga adalah bercanggah dengan konsep masyarakat penyayang kerana perhatian hanyalah diberi kepada kalangan-kalangan tertentu.

Pengecualian cukai kepada usahawan dalam negeri yang melabur di luar negeri adalah langkah yang tidak bijak kerana menggalakkan pengaliran keuntungan ke luar negeri dan ketuntungan yang di bawa balik adalah untuk orang-orang yang berkenaan sahaja. Saya bimbang penurunan cukai ini dilakukan mungkin kerana sudah ada di kalangan orang-orang yang berkepentingan yang sudahpun melabur di luar negeri dan akan membawa balik keuntungan besar bagi dirinya sendiri, bukan untuk negara.

Ke Arah Mewujudkan Kehakiman Yang Adil

(Dewan Rakyat, 24.1.1991)

SAYA ingin menyentuh maksud Program Aktiviti Mahkamah, dan saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Program Kehakiman. Di mana berhubung dengan perkara ini saya suka menyebut pertama-tamanya mengenai memelihara kebebasan kehakiman. Perkara ini mestilah diberi perhatian dan penekanan kepada tiga perkara yang penting.

Yang pertama, kedaulatan undang-undang. Perkara ini lebih berkait dengan perkara dasar. Apa yang saya ingin jelaskan disini ialah implikasi perkara ini dengan kebebasan kehakiman. Kelemahan yang berlaku kepada undang-undang manusia itu ialah apabila ada orang yang merasakan dirinya mengatasi undang-undang, maka ia akan mencabul undang-undang untuk kepentingannya. Maka tindakan ini boleh menjejaskan kebebasan kehakiman dan menjatuhkan kewibawaannya.

Menurut perundangan Islam, prinsip perundangan itu ialah

pengabdian kepada Allah. Di samping adanya hukum-hukum yang ditetapkan oleh nas-nas seperti hukum qisas dan hukum hudud, di sana ada pula hukum yang diizinkan untuk manusia berijtihad dan mengkaji berdasarkan realiti dan situasi semasa. Syaratnya pengkajian itu hendaklah mengikut batas-batas ijtihad yang tidak menyebabkan seseorang itu melulu sehingga mencipta atau meminda undang-undang atas dorongan untuk kepentingannya semata-mata. Dalam Islam mengadakan undang-undang untuk kepentingan diri dianggap suatu perkara yang tidak diizinkan oleh Allah, sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Quranul Karim:

Adakah mereka itu mengadakan sekutu-sekutu yang boleh membuat hukum-hakam dalam perkara yang tidak diizinkan oleh Allah...

(Maksud Al-Quran Surah Asy-Syura ayat 21)

Sehingga hukum-hakam dan undang-undang itu dipinda ataupun digubal mengikut kepentingan golongan yang tertentu, bukannya berdasarkan prinsip keadilan.

Perkara kedua yang perlu diberi perhatian ialah kewibawaan hakim. Pemilihan hakim itu bukan sahaja dinilai dari segi pencapaian dan kejayaan akademik tetapi juga mestilah dalam pencapaian akhlak dan peribadi yang mulia dan kuat. Di samping dia mesti berilmu dalam bidang undang-undang dan pentadbiran mahkamah, hendaklah juga diketahui latarbelakang akhlak dan peribadinya.

Di antara contoh yang ditunjukkan oleh Islam ialah mestilah seorang hakim itu dipilih dari yang bersifat adil. Sifat adil yang dimaksudkan ialah tidak melakukan dosa besar, tidak mengekali di dalam melakukan dosa kecil dan tidak melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruah walaupun perkara itu tidak dikira haram.

Di sana terdapat perkara yang dinyatakan oleh Islam iaitu tidak boleh memilih hakim dari orang yang terlalu mahu kepada jawatan itu. Biasanya orang yang terlalu mahu kepada jawatan itu kelihatan menonjolkan diri. Dia adalah orang yang mengira dari segi pangkatnya bukan dari segi untuk menegakkan keadilannya semata-mata. Sekiranya dia dipilih juga, maka berlakulah perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Bagi menyatakan batasnya, saya suka mengingatkan kepada satu hadith Rasulullah SAW berhubung dengan hakim, yang bermaksud:

Hakim itu ada tiga jenis, dua jenis di dalam neraka dan satu jenis di dalam syurga. Hakim yang mengetahui perkara yang benar tetapi dia menghukum dengan cara yang tidak benar, itu adalah hakim zalim - dia di dalam neraka. Yang kedua, hakim yang tidak ada ilmu, (dia ada ijazah tetapi tidak ada ilmu dan tidak ada pengetahuan untuk mengendalikan mahkamah), lalu dia menghukum tidak dengan ilmu dan kebijaksanaannya sebagai hakim yang layak, maka dia juga di dalam neraka. Yang ketiga ialah hakim yang mengetahui perkara yang benar dan dia menghukum dengan cara yang benar dan bijaksana serta penuh keadilan.

Perkara yang ketiga, kebebasan mahkamah yakni jangan ada campurtangan politik atau orang-orang yang tertentu ke atas mahkamah. Campurtangan ke atas mahkamah bukan sahaja boleh menjejaskan prinsip keadilan tetapi memberi kesan psikologi kepada para hakim yang berjiwa kecil, bukan para hakim yang berjiwa besar. Kalau para hakim berjiwa besar, dia sanggup menghadapi cabaran bagi menegakkan keadilan. Tetapi hakim yang berjiwa kecil tidak akan sanggup untuk menegakkan keadilan apabila menghadapi tekanan, ugutan dan seumpamanya. Kita baru sahaja mengalami peristiwa kehakiman yang sangat mendukacitakan di tanahair kita ini.

Perkara yang kedua, saya ingin menyebut juga berhubung dengan kelambatan mengendalikan beberapa kes yang patut disejajarkan. Pengendalian terhadap beberapa kes yang memakan masa dan menyebabkan ada orang yang ditahan beberapa lama, bukan kerana untuk meneliti tuduhan yang dikenakan kepadanya ataupun masalah-masalah keselamatan tetapi kerana masalah kelemahan pentadbiran dan kecuaiannya. Bahkan kadangkala ternyata orang-orang yang ditahan beberapa lama itu tidak bersalah.

Perkara ini boleh menjejaskan prinsip keadilan dan menzalimi orang yang tidak bersalah kerana kecuaiannya pihak yang berkenaan. Kadang-kadang ada di antara mereka yang ditahan melebihi masa maksimum hukuman yang sepatutnya dijatuhkan kepadanya dan kadang-kadang didapati dia tidak bersalah. Perkara-perkara seperti ini hendaklah diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berkenaan.

Soalan-soalan Terpilih dan Jawapan-jawapannya

(Dewan Rakyat; Penggal Pertama Parlimen Kelapan)

TAHANAN ISA

1. Meminta Menteri Dalam Negeri menyatakan perkara-perkara berikut mengenai tahanan ISA.

(a) berapa ramaikah bilangan orang yang masih ditahan di bawah ISA. Dari jumlah tersebut berapa ramai yang bukan beragama Islam;

(b) adakah benar bahawa tahanan ISA yang beragama Islam yang ditempatkan di Kem Tahanan Kamunting tidak dibenarkan bersembahyang Jumaat sedangkan kemudahan untuk itu terdapat dalam kem tersebut; dan

(c) adakah benar bahawa tahanan ISA tersebut dilarang dari membaca akhbar-akhbar tertentu. Jika

benar nyatakan nama-nama akhbar yang dilarang itu dan apakah sebabnya larangan itu dikenakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob] menjawab:

(a) Jumlah yang masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah seramai 155 orang. Dari jumlah ini 30 orang adalah beragama Islam dan 125 orang pula menganut lain-lain agama.

(b) Tidaklah benar sepertimana dakwaan yang mengatakan bahawa orang Islam tidak dibenarkan bersembahyang Jumaat di surau dalam Kem Tahanan Perlindungan Kamunting itu. Pihak berkuasa tempat tahanan sentiasa mengambil berat dengan menyediakan kemudahan surau untuk sembahyang Jumaat dan lain-lain kemudahan ibadat kepada orang tahanan. Tetapi bila didapati jemaah tidak mencukupi 40 orang untuk sembahyang Jumaat, pihak Jabatan Ugama Islam Perak telah mengarahkan agar sembahyang Jumaat bagi orang-orang tahanan juga kakitangan pusat tahanan didirikan di masjid yang berhampiran dengan pusat tahanan. Namun begitu, dari segi keselamatan amalan begini sangat sukar untuk dilaksanakan.

Bagaimanapun, pihak Kementerian Dalam Negeri telah menimbang secara serius dan akan membuat peraturan-peraturan di mana orang tahanan Islam dan kakitangan pusat tahanan yang beragama Islam akan bersembahyang Jumaat di dalam masjid di pusat tahanan jika mencukupi jumlah jemaah sepertimana yang dikehendaki di dalam Islam.

(c) Kebenaran bagi orang-orang tahanan membaca akhbar-akhbar adalah terletak kepada budibicara pihak berkuasa tempat tahanan. Orang-orang tahanan dibenarkan membaca akhbar-akhbar melainkan akhbar-akhbar tertentu yang difikirkan tidak sesuai dari sudut pemulihan orang-orang tahanan. Oleh yang demikian, jika ada akhbar-akhbar tertentu tidak dibenarkan untuk dibaca, mungkin ia difikirkan tidak sesuai oleh pihak berkuasa tempat tahanan kerana kesannya boleh melambatkan proses pemulihan orang-orang tahanan itu sendiri.

PENINDASAN UMAT ISLAM DI SABAH

2. Meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan ada membuat penyiasatan ke atas dakwaan yang menyatakan berlakunya penindasan terhadap umat Islam di Sabah oleh Kerajaan pimpinan PBS. Jika ada nyatakan bentuk-bentuk penindasan yang dilakukan. Apakah penindasan ini berlaku semasa PBS masih berada dalam BN atau sesudah PBS keluar dari BN.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar] menjawab:

Pihak Kerajaan Pusat ada menerima maklumat-maklumat dan dakwaan-dakwaan berhubung dengan permasalahan ini dan sedang mengikuti dengan teliti tentang sebaran tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Pihak Kerajaan Pusat seperti sedia maklum menitikberatkan

kepada perpaduan kaum dan rakyat. Segala dasar dan rancangan Kerajaan dititikberatkan kepada kepentingan dan kebajikan semua kaum.

Kalaulah benar maklumat-maklumat serta dakwaan-dakwaan yang dimaksudkan, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memperbetulkan kepincangan sedemikian. Adalah penting kebajikan semua kaum diberi keutamaan dalam serba bentuk kemudahan serta perancangan yang dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri demi meneruskan keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan.

Pihak Kerajaan Pusat tidak berhasrat untuk mengambil tindak balas atas sebarang penindasan yang dilakukan oleh mana-mana Kerajaan Negeri. Bukan menjadi dasar kerajaan Pusat untuk bertindak dengan izin, "tit for tat" dalam apa-apa juga masalah. Pihak Kerajaan akan menyiasat dan meneliti dengan mendalam ~~sebelum~~ sesuatu keputusan dibuat.

Sayugia diingatkan Kerajaan Pusat sangat berhati-hati dan sentiasa menitikberatkan kepada perpaduan kaum dan rakyat. Kerajaan sekarang lebih menitikberatkan kepada pembangunan di dalam semua bidang terutama di kawasan luar bandar demi kesejahteraan rakyat.

BIMBINGAN AGAMA KEPADA ANGGOTA TENTERA

3. Meminta Menteri Pertahanan menyatakan apakah bentuk bimbingan agama yang diberikan kepada anggota tentera

yang beragama Islam. Berapa ramaiakah guru agama yang diambil bertugas bagi tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed] menjawab:

Ada dua bentuk bimbingan agama yang diberikan kepada anggota tentera yyang beragama Islam iaitu Bimbingan Mental ataupun *Fikrah* dan Bimbingan Spiritual ataupun *Rohaniah*.

Dalam Bimbingan Mental, anggota tentera beragama Islam diberi dan didedahkan kepada ilmu-ilmu keislaman yang merangkumi Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah melalui Kelas Pengajian Formal dan Pengajian Tidak Formal.

Kelas Pengajian Formal dilaksanakan mengikut ketentuan sukatan yang digariskan dengan berpandukan kepada kaedah dan pendekatan yang membolehkan anggota-anggota tentera yang berlainan latarbelakang dan kelulusan itu digabungkan. Dari sinilah bimbingan mental itu dilahirkan secara berte-rusan dan mengikut tempoh-tempoh perkhidmatan masing-masing.

Pengajian yang tidak formal pula dilaksanakan secara berte-rusan kepada anggota-anggota tentera melalui aktiviti-aktiviti yang direncanakan mengikut ketentuan dasar pembinaan mental Islam Angkatan Tentera Malaysia menerusi:

- (a) Seminar;
- (b) Forum/Nadwah;
- (c) **Muzakarah;**
- (d) Kuliah-kuliah;

- (e) Tulisan-tulisan yang diedarkan dari masa ke semasa;
- (f) Ceramah-ceramah pada hari-hari kebesaran Islam; dan
- (g) Majlis-majlis ilmu di masjid-masjid dalam Angkatan Tentera.

Dalam bimbingan spiritual anggota dibimbing secara amali melalui:

- (a) bimbingan langsung seperti Khemah Ibadah dan latihan amali yang dijalankan sewaktu anggota menjalani latihan ketenteraan biasa; dan
- (b) kursus-kursus khas yang diadakan dari semasa ke semasa.

Jumlah guru Agama yang bertugas bagi mengendalikan hal-hal keagamaan dalam Angkatan Tentera Malaysia ialah seramai 675 orang iaitu terdiri dari 474 orang Guru Agama Tentera dan 201 Guru Agama Awam.

Soalan Tambahan: Adakah pihak Kerajaan menambah jumlah guru agama ini mengikut perkembangan pembesaran Angkatan Tentera.

Yang kedua, adakah mereka itu menyertai mana-mana operasi ketenteraan bagi membimbing ketika tentera berada dalam operasi tersebut?

Dato³ Wan Abu Bakar: Pastilah apabila anggota kita ber-

tambah maka kita akan menambah guru-guru agama ini mengikut keperluan yang ada. Kita ada kuota beberapa anggota tentera untuk beberapa orang guru agama. Bagi soalan yang kedua ini jika diperlukan semasa menjalankan operasi, jika masa itu memakan masa yang panjang, guru-guru agama ini mengikut masing-masing pasukan yang telah ditentukan dan perkara ini dijalankan dari masa ke semasa mengikut keadaan.

PEMEGANG SAHAM MISC

4. Meminta Perdana Menteri menyatakan perkara-perkara berikut mengenai Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC):

(a) siapakah pemegang-pemegang saham utama MISC dengan menyatakan peratusan ekuiti pegangan mereka;

(b) jumlah kapal kepunyaan MISC; dan

(c) prestasi MISC termasuk dari segi untung/rugi dalam tempoh lima tahun terakhir 1985-1990.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Wong See Wah] menjawab:

(a) Kedudukan peratusan ekuiti pada 4 Januari, 1991 bagi 10 pemegang-pemegang saham utama MISC ialah seperti jadual berikut (lihat **Jadual I**):

(b) Pada masa ini, MISC mempunyai sejumlah 49 buah kapal.

Jadual I

Pemegang Saham	Peratusan Ekuiti (%)
1. Bank Negara Malaysia	29.34
2. Hongkong & Shanghai Bank (Singapore) Nominees (Pte.) Ltd.	4.71
3. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	4.25
4. Chase Manhattan (Singapore) Nominees (Pte.) Ltd.	4.14
5. Pemegang Amanah Raya Malaysia - Skim ASN	3.37
6. Frank Tsao & Co. Ltd.	3.21
7. Kerajaan Negeri Pahang	3.2
8. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	3.2
9. Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak	3.2
10. Kerajaan Negeri Sabah	3.2
<i>* Kedudukan peratusan ekuiti pada 4 Januari, 1991 bagi 10 pemegang-pemegang saham utama MISC</i>	

Jadual II

Tahun	Keuntungan Sebelum Cukai (Juta \$)
1985	163.1
1986	243.1
1987	288.3
1988	391.6
1989	432.7
<i>* Keuntungan sebelum cukai MISC bagi tahun 1985 hingga tahun 1989</i>	

(c) Dalam tahun 1985, MISC memperolehi hasil kendalian sebanyak \$974.4 juta dan dalam tahun 1989 jumlah ini telah meningkat kepada \$1,575.3 juta. Keuntungan sebelum cukai MISC bagi tahun 1985 hingga tahun 1989 ialah seperti berikut (lihat **Jadual II**):

Bagi enam bulan pertama tahun 1990, MISC memperolehi hasil kendalian sebanyak \$759.8 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak \$230.2 juta.

PERJUANGAN PEMBEBASAN - BENTUK SOKONGAN MALAYSIA

5. Meminta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah bentuk sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia terhadap perjuangan pembebasan berikut:

(a) perjuangan rakyat Palestin bagi membebaskan tanahair mereka dari cengkaman Yahudi Israel;

(b) perjuangan rakyat kulit hitam Afrika Selatan pimpinan ANC bagi mendapatkan hak dan kebebasan mereka;

(c) perjuangan Mujahidin Afghanistan untuk membebaskan negara mereka dari regim boneka Afghanistan;

(d) perjuangan umat Islam Selatan Thailand untuk mendapatkan hak dan kebebasan mereka yang se-

wajarnya; dan

(e) perjuangan umat Islam Selatan Filipina untuk mendapatkan otonomi dan kebebasan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che' Wan] menjawab:

(a) Pejabat Palestin telah dibuka secara rasmi pada 25 April 1969 dan pada tahun 1977 Kerajaan Malaysia telah memberikan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

(i) menyediakan sebuah pejabat, mulanya di Jalan Tun Ismail kemudian dipindahkan ke Jalan U Thant pada bulan Jun 1983;

(ii) bayaran bil air dan elektrik tidak melebihi \$300 sebulan; dan

(iii) sebuah Mercedes Benz 200 telah diberikan untuk kegunaan rasmi.

Sementara itu sebuah Tabung Rakyat Palestin telah dibentuk pada 15 Januari 1988 setelah berlakunya intifadhah untuk membantu rakyat Palestin di kawasan yang diduduki oleh Israel. Sehingga kini sebanyak \$1,078,011.12 telah dipungut dan daripada itu sebanyak \$833,890 telahpun diberikan kepada Kerajaan Palestin. Baki terakhir tabung tersebut adalah sebanyak \$244,521.12.

Selain daripada tabung tersebut, Kerajaan telah memberi

sumbangan tahunan kepada *United Nations* dan *Works Agency for Palestinian Refugees* (UNRWA) untuk bantuan peri kemanusiaan terhadap pelarian Palestin di Timur Tengah.

Bantuan tersebut adalah sebanyak US\$5,000 setahun dan sejak tahun 1989 sebanyak US\$10,000 telahpun didermakan.

Di samping sumbangan-sumbangan yang dinyatakan di atas, rakyat Malaysia dengan murah hati telah menderma sebanyak \$284,573.09 untuk pembinaan sebuah sekolah serta kelengkapannya bagi kanak-kanak Palestin di Lebanon. Kutipan ini dilakukan ketika 50 kanak-kanak Palestin melawat Malaysia pada 7 Julai hingga 17 Ogos, 1990.

(b) Malaysia menyokong penuh perjuangan rakyat kulit hitam pimpinan Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) dan pergerakan-pergerakan pembebasan yang lain dalam mendapatkan hak dan kebebasan mereka di Afrika Selatan. Melalui forum-forum antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Komanwel, Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan sebagainya, kita telah berulang kali mendesak rejim Afrika Selatan supaya memberikan hak dan kebebasan rakyat kulit hitam dan menghapuskan sistem Apartheid negara itu. Malaysia dari awal-awal lagi dan masyarakat antarabangsa telah mengenakan bermacam-macam sekatan termasuk sekatan ekonomi dan perdagangan terhadap rejim kulit putih.

Selain daripada itu, kita juga telah berjanji untuk menyumbangkan US\$2 juta dalam bentuk latihan kepada Tabung Afrika yang ditubuhkan oleh Pergerakan Negara-negara

Berkecuali dalam usaha membantu negara-negara Barisan Hadapan, dengan izin, *Frontline States* dan pergerakan-pergerakan pembebasan termasuk ANC.

Malaysia juga telah menyumbangkan US\$5 juta kepada ANC semasa lawatan Encik Nelson Mandela pada bulan November tahun lalu bagi membantu perjuangan rakyat Afrika Selatan.

(c) isu Afghanistan seperti isu Palestin juga sentiasa mendapat perhatian penuh oleh Kerajaan dan rakyat Malaysia. Untuk membuktikan sokongan kita kepada perjuangan rakyat Afghanistan dan melambangkan perpaduan dengan umat Islam yang tertindas, Malaysia telah merestui penubuhan Pejabat Wakil Mujahidin dan telahpun dirasmikan oleh Menteri Luar Negeri pada 4 Mei. 1984.

Kerajaan selanjutnya menyediakan sebuah rumah Kerajaan untuk dijadikan pejabat serta kediaman wakil Mujahidin. pejabat ini dilengkapi dengan perabut-perabut, telefon, dan teleks untuk perhubungan mereka dengan Ibu Pejabat mereka di Peshawar, Pakistan. Kerajaan juga menampung sebahagian daripada perbelanjaan mengurus, kelengkapan pejabat dan rumah seperti bekalan elektrik, air dan kegunaan telefon yang tidak melebihi \$1,000 sebulan. Kerajaan juga telah menyediakan sebuah kenderaan rasmi untuk kegunaan pejabat.

Ketika Mujahidin mengumumkan penubuhan kerajaan sementara, Malaysia telah mengiktiraf Kerajaan tersebut pada 12 April. Selain daripada Malaysia, Arab Saudi dan Bahrain juga telah membuat pengiktirafan yang sama. Dalam usaha-

usaha membantu mangsa-mangsa perang Afghanistan, satu tabung kebajikan pelarian Afghanistan ditubuhkan pada tahun 1984 di bawah kelolaan Wisma Putra. Semenjak ia ditubuhkan, sebanyak \$10,449.50 telahpun didermakan.

(d) saya merasa hairan dengan pertanyaan itu. Dasar luar Malaysia adalah jelas bahawa Malaysia tidak campurtangan dalam hal ehwal negara luar. Oleh itu Malaysia tidak terlibat dengan perkara tersebut.

(e) perjuangan umat Islam Selatan Filipina untuk mendapatkan otonomi dan kebebasan adalah masalah dalaman negara Filipina itu sendiri dan kita tetap berpegang kepada prinsip tidak campurtangan secara terus dalam hal ehwal dalaman negara tersebut. Bagaimanapun, sebagai sebuah negara ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Malaysia menyokong usaha-usaha OIC bagi menyelesaikan masalah itu. Ini adalah selaras dengan Perjanjian Tripoli 1976, iaitu untuk memberikan otonomi kepada penduduk Selatan Filipina.

PENDATANG HARAM VIETNAM

6. Sebagaimana kita tahu bahawa Bangsa-bangsa Bersatu juga memberikan sumbangan berhubung dengan pelarian atau pendatang haram ini. Adakah Kerajaan Malaysia juga dibebankan dengan perbelanjaan untuk penempatan dan lain-lain? Jika ada, berapakah jumlahnya.

Soalah yang kedua, apakah halangan dan masalah yang melambatkan pemergian pendatang Vietnam ke negara-ne-

gara ketiga, dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasinya?

Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar] menjawab:

Memang benar sumbangan yang besar adalah diberikan oleh Pesuruhjaya Tinggi bagi Orang-orang pelarian bagi membiayai pendatang haram Vietnam yang berada di Pulau Bidong dan tempat-tempat lain di negara kita dan negara kita tidak mengeluarkan belanja yang banyak melainkan sedikit sahaja, iaitu dari segi pengambilan tanah di Pulau Bidong. Saya tidak ingat berapa jumlahnya, tetapi sedikit sahaja.

Berkenaan dengan masalah-masalah bagi menyelesaikan pendatang haram Vietnam ini ialah mengenai pendatang-pendatang yang tidak diiktiraf sebagai orang pelarian, iaitu hendak dihantar balik ke Vietnam secara paksa. Perkara ini sedang kita rundingkan pertamanya, di peringkat antarabangsa, iaitu di peringkat Pesuruhjaya Tinggi bagi Orang-orang Pelarian; yang kedua, di peringkat ASEAN; dan yang ketiga, di peringkat dua hala di antara Malaysia dengan Vietnam sendiri yang mana kita telahpun mengadakan beberapa kali rundingan dengan pihak Vietnam. Jadi, inilah di antara masalah-masalah yang kita hadapi dan kita akan terus berusaha supaya masalah orang pelarian Vietnam ini akan dapat diselesaikan.

PERLETAKAN SENJATA PARTI KOMUNIS MALAYA

7. Meminta Menteri Dalam Negeri menyatakan butir-butir perjanjian yang ditandatangani di Thailand antara Kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis Malaya (PKM) pimpinan Chin Peng yang membawa kepada perletakan senjata oleh komunis. Adakah terdapat satu pengakuan yang jelas dari pimpinan PKM bahawa mereka bukan sahaja meletakkan senjata tetapi juga meninggalkan ideologi dan perjuangan mereka.

Timbalan Menteri Dalam negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob] menjawab:

Perjanjian perletakan senjata yang ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan Parti Komunis Malaya (PKM) pada 2 Disember 1989 mengandungi 4 perkara seperti berikut:

(i) Dengan penandatanganan perjanjian, Kerajaan Malaysia dan Parti Komunis Malaya akan menamatkan semua aktiviti bersenjata.

(ii) Parti Komunis Malaya akan membubarkan semua unit bersenjatanya, memusnahkan senjatapi, peluru, bahan letupan dan jerangkap samar di Malaysia dan Thailand.

(iii) Ahli-ahli Parti Komunis Malaya dan Unit-unit Bersenjata yang telah dibubarkan, yang berasal dari Malaysia dan ingin menetap kembali di Malaysia, akan

dibenarkan berbuat demikian berlandaskan undang-undang Malaysia.

Ahli-ahli Parti Komunis Malaya dan Unit-unit Bersenjata yang telah dibubarkan, yang bukan berasal dari Malaysia, boleh juga berbuat demikian berlandaskan undang-undang Malaysia.

(iv) sehubungan dengan Perkara (iii) di atas, pihak berkuasa Malaysia akan membantu ahli-ahli Parti Komunis Malaya dan bekas anggota unit-unit bersenjataanya memulakan kehidupan baru.

Dalam perjanjian ini, aspek ideologi komunis tidak disentuh. Pucuk pimpinan PKM tidak membuat sebarang pengakuan yang mereka akan meninggalkan ideologi komunis. Sungguh pun begitu, PKM dan sebarang kegiatan subversif tetap dihamkan di negara ini.

Perlu ditegaskan di sini bahawa usaha Kerajaan menandatangani Perjanjian itu adalah bertujuan untuk menamatkan ancaman kegiatan bersenjata PKM terhadap Kerajaan supaya keamanan, ketenteraman dan keselamatan negara terjamin dan seterusnya dapat dimanfaatkan bagi memajukan pembangunan ekonomi negara untuk faedah rakyat jelata.

KEMUDAHAN VISA UMRAH DAN VISA HAJI

8. Oleh kerana menjadi kelaziman kepada para jemaah haji pergi awal, biasanya di bulan Ramadhan, dan pada masa itu visa haji tidak dikeluarkan dan mereka ingin mengambil

kesempatan untuk menunaikan umrah di bulan yang mulia itu, menjadi satu kesulitan pula kepada mereka untuk pulang ke Malaysia dan terpaksa mengeluarkan belanja yang besar pula untuk pergi semula menunaikan haji pada tahun itu. Menjadi kelaziman di zaman Almarhum Raja Faisal dahulu memberi kebenaran ataupun kemudahan kepada jemaah haji yang seperti itu dengan tidak mengambil apa-apa tindakan.

Soalan yang pertama, adakah pihak Kerajaan Malaysia berusaha supaya cara yang pernah dilakukan itu diamalkan semula oleh Kerajaan Arab Saudi untuk memberi kemudahan kepada jemaah haji yang ingin mengambil kesempatan beribadat di bulan Ramadhan.

Soalan yang kedua, adakah Kerajaan Malaysia di atas sifatnya yang perlu memberi pertolongan kepada rakyat di mana sahaja rakyat itu berada di luar negeri, memberi pertolongan kepada rakyat yang menghadapi masalah termasuk masalah mereka ditahan di Arab Saudi?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha] menjawab:

Seperti yang dikatakan bahawa asal mereka pergi ke Mekah ialah untuk menunaikan umrah jadi visa umrah diberikan. Tetapi jikalau mereka berhajat untuk mengerjakan haji jemaah tersebut seelok-eloknya sebelum berangkat dari Malaysia ini berhubung dengan Tabung Haji ataupun pihak Kerajaan ataupun dengan Kedutaan Arab Saudi untuk mengemukakan masalah mereka yang hendak membuat visa umrah dengan

visa haji. Oleh kerana visa haji ini dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi, saya tidak dapat memberi jaminan bahawa dapat atau tidak jikalau kedua-dua visa dikeluarkan sekaligus.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, bahawa kita terpaksa mematuhi undang-undang yang sedia ada di negara Arab Saudi dan kita boleh membuat rayuan bagi pihak rakyat Malaysia yang visa umrah mereka sudah luput. Tetapi kita mesti mematuhi undang-undang yang sedia ada di Arab Saudi. Dengan itu, susahlah kita hendak memberi jaminan kepada jemaah-jemaah yang menunaikan umrah dengan visa umrah untuk ditukarkan kepada visa haji.

